

## **SIARAN MEDIA**

*Kuala Lumpur, 19 Mac 2021*

### **SC dan Bursa Malaysia Beri Pengecualian kepada Syarikat Memohon Penyenaraian**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia) hari ini memberi butiran lanjut mengenai langkah pelepasan tambahan di bawah Program Strategik PEMERKASA yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 17 Mac 2021.

Langkah-langkah ini, yang merangkumi pengecualian selama 12 bulan dan rebat ke atas fi yang berkaitan penyenaraian, akan mengurangkan kos pengumpulan dana bagi syarikat dan menyediakan lebih kelegaan kewangan kepada penerbit tersenarai. Butiran mengenai langkah-langkah ini termasuk –

1. Pengecualian selama 12 bulan untuk fi berkaitan penyenaraian bagi IPO berkuat kuasa 17 Mac 2021
  - Pengecualian 100% ke atas fi pemprosesan, termasuk fi pendaftaran prospektus bagi syarikat yang memohon penyenaraian di Pasaran ACE dan LEAP, serta syarikat yang mempunyai permodalan pasaran kurang daripada RM500 juta di Pasaran Utama;
  - Pengecualian 100% ke atas fi awal dan fi penyenaraian tahunan bagi syarikat dengan permodalan pasaran kurang daripada RM500 juta;
  - Pengecualian 50% ke atas fi awal dan fi penyenaraian tahunan bagi syarikat dengan permodalan pasaran sebanyak RM500 juta dan ke atas.
2. Rebат sebanyak 50% daripada fi penyenaraian tahunan bagi tahun 2021 bagi penerbit tersenarai yang memenuhi kriteria berikut:
  - Permodalan pasaran di bawah RM500 juta setakat 31 Disember 2020;
  - Melaporkan kerugian kewangan yang dikira dengan kerugian Kumpulan setelah cukai dalam laporan suku tahunan bagi suku tahun yang berakhir pada mananya tarikh antara 1 Februari hingga 30 April 2021 (termasuk tarikh tersebut) walaupun tarikh penyerahannya adalah sama.

3. Pengecualian ke atas fi pemprosesan, semakan dan penyenaraian bagi cadangan regularisasi yang diterima sebelum 31 Disember 2021 untuk –

- Penerbit tersenarai yang telah diklasifikasikan sebagai syarikat PN17/GN3;
- Syarikat tunai seperti yang ditetapkan dalam perenggan 8.03 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama dan Keperluan Penyenaraian Pasaran ACE;
- Syarikat dengan tahap operasi yang tidak mencukupi seperti yang ditetapkan dalam Perenggan 8.03A Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama dan Keperluan Penyenaraian Pasaran ACE.

SC dan Bursa Malaysia akan terus memantau perkembangan semasa dan menilai sekiranya langkah-langkah lebih lanjut diperlukan untuk menyokong penerbit tersenarai sepanjang tempoh yang mencabar ini.

## **SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA BURSA MALAYSIA BERHAD**

### **About Securities Commission Malaysia**

The Securities Commission Malaysia (SC), a statutory body reporting to the Minister of Finance, was established under the Securities Commission Act 1993. It is the sole regulatory agency for the regulation and development of capital markets. SC has direct responsibility for supervising and monitoring the activities of market institutions, including the exchanges and clearing houses, and regulating all persons licensed under the Capital Markets and Services Act 2007. More information about SC is available on its website at [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my). Follow SC on twitter at @SecComMy for more updates.

### **About Bursa Malaysia**

Bursa Malaysia is an approved Exchange holding company under Section 15 of the Capital Markets and Services Act 2007. A public company limited by shares under the Companies Act 2016, Bursa Malaysia operates a fully-integrated exchange, offering equities, derivatives, offshore, bonds as well as Islamic products, and provides a diverse range of investment choices globally.

For more information on Bursa Malaysia, visit [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com)

*For media queries, please contact the following:*

Delyana Nordin  
Corporate Affairs Department  
Securities Commission Malaysia  
DID: 603 6204 8265 E-mail: [delyanan@seccom.com.my](mailto:delyanan@seccom.com.my)

Rizal Zainudin  
Group Strategic Communications  
Bursa Malaysia  
DID: 603 2034 7271 E-mail: [rizalzaidi@bursamalaysia.com](mailto:rizalzaidi@bursamalaysia.com)